

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN
[SELAYANG]**

SOALAN NO. 462

TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN [SELAYANG] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan perkembangan pengenalan mekanisme kawalan harga bekalan ubat-ubatan dengan menentukan paras harga siling bagi bekalan ubat-ubatan dan bagaimana Kementerian menangani kesan pelaksanaan mekanisme ini terhadap hospital dan klinik swasta.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Pada masa ini, pihak Kementerian sedang memperhalusi mekanisme harga ubat dengan penglibatan pihak berkepentingan terutamanya pihak industri farmaseutikal, penyedia perkhidmatan kesihatan daripada klinik, hospital dan farmasi swasta serta agensi kerajaan yang lain.

Mekanisme harga ubat yang dicadangkan adalah secara mekanisme harga jualan maksimum melibatkan dua peringkat kawalan iaitu harga borong berdasarkan penandaarasan harga antarabangsa, dan harga pengguna melalui tokokan (*mark-up*). Pelaksanaan kawalan harga ubat ini akan dijalankan secara berfasa. Pada fasa awal pelaksanaannya, skop ubat yang dikawal adalah Ubat-ubatan Terkawal dengan nombor pendaftaran MAL diakhiri huruf A dan merupakan ubat yang dipasarkan oleh satu pembekal sahaja di Malaysia. Kebanyakan ubat "*single-source*" ini adalah ubat inovator yang baru dan tiada persaingan di pasaran. Fasa seterusnya adalah untuk ubat-ubatan yang dipasarkan oleh pelbagai pembekal ("*multi-source*").

Berkaitan bagaimana Kementerian Kesihatan menangani kesan pelaksanaan mekanisme ini terhadap hospital dan klinik swasta, sesi perbincangan akan dibuat secara berterusan bagi mendapatkan maklumbalas mekanisme harga ubat yang terbaik untuk dilaksanakan di negara ini. Objektif kawalan harga ubat-ubatan bagi memastikan akses ubat-ubatan pada harga yang berpatutan kepada rakyat dengan menggalakkan inovasi dan persaingan untuk pertumbuhan industri menjadi asas dalam penetapan mekanisme harga ini.

Sekian, terima kasih.